

Lawatan Kerja

KE BAWAH DYMM TUANKU PEMANGKU RAJA PERLIS DAN DYT M RAJA PUAN MUDA PERLIS KE KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM)



PERLIS, 25 Oktober 2002 - DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, D.K, S.P.M.P dan DYT M Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah, S.P.M.P telah berkenan mengadakan lawatan kerja diraja ke kampus Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), Kubang Gajah, Arau. Keberangkatan tiba baginda di perkarangan kampus telah disambut oleh Y.Bhg. Profesor Dr. Kamarudin bin Hussin serta seluruh warga KUKUM . Seterusnya DYMM dan DYT M dibawa ke bilik Rektor untuk majlis mengadap, yang dimulai oleh Rektor dan diikuti oleh para pegawai utama KUKUM. Kemudian, baginda berdua diiringi oleh Rektor serta pegawai utama KUKUM masuk ke Dewan Kuliah 200 (DK 200) bagi majlis perjumpaan kakitangan dan para pelajar KUKUM. Y.Bhg. Rektor, yang mewakili seluruh warga KUKUM dalam ucapan aluan berbesar hati di atas kesudian baginda berdua mencemar duli ke majlis lawatan kerja ke KUKUM . Sempena lawatan itu, baginda Pemangku Raja Perlis menyampaikan amanat dan bertitah, "anak-anak / para pelajar janganlah mensia-siakan peluang pendidikan di KUKUM ini kerana harapan negara terletak di bahu anak-anak sekalian serta kejayaan sebenarnya ditentukan oleh pelajar yang mendapat segulung ijazah dan menempatkan diri di bidang pekerjaan yang terbaik". Baginda berdua seterusnya dibawa ke luar perkarangan kampus untuk upacara menanam pokok bunga kertas sebagai tanda kenangan-kenangan.

DYMM dan DYT M berdua kemudiannya dibawa berangkat ke Bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Kangar, Perlis untuk melawat Perpustakaan dan Canselori. Ketibaan baginda berdua disambut oleh pegawai utama serta kakitangan KUKUM yang bertugas di bangunan tersebut. Baginda berdua seterusnya dibawa mendengar taklimat pembangunan yang telah disampaikan oleh Y.Bhg. Rektor. Selesai taklimat, baginda berdua dijemput ke majlis santapan tengahari yang telah diadakan di Dewan Santapan. Sejurus selepas itu, DYMM Pemangku Raja Perlis dan DYT M Raja Puan Muda Perlis mengakhiri lawatan kerja ke KUKUM dengan aktiviti merakamkan gambar dan bersalaman dengan semua warga KUKUM sebelum meninggalkan majlis.

